

**GARIS PANDUAN PERANCANGAN
KRITERIA PENILAIAN PERANCANGAN PEMASANGAN
MENARA TELEKOMUNIKASI DI ATAS TANAH
DI BAWAH KAWALAN DBKL**

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja

GARIS PANDUAN PERANCANGAN KRITERIA PENILAIAN PERANCANGAN PEMASANGAN MENARA TELEKOMUNIKASI DI ATAS TANAH DI BAWAH KAWALAN DBKL

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

2015

Buku **GARIS PANDUAN PERANCANGAN KRITERIA PENILAIAN PERANCANGAN PEMASANGAN MENARA TELEKOMUNIKASI DI ATAS TANAH DI BAWAH KAWALAN DBKL** ini diterbitkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Diterbitkan oleh:

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut

50350 Kuala Lumpur

Malaysia.

Tel.: 603-2617 9000 Faks: 603-2698 0460

E-mel: dbkl@dbkl.gov.my Laman Web: www.dbkl.gov.my

Cetakan Pertama 2015

© Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Datuk Bandar, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, Malaysia.

Dicetak di Malaysia oleh:

Attin Press Sdn. Bhd.

No. 46, Jalan 2/108

Taman Salak Jaya

Salak Selatan

57100 Kuala Lumpur

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja

KANDUNGAN

	HALAMAN
1.0 TUJUAN	1
2.0 OBJEKTIF	1
3.0 MAKSUD TANAH ATAU TAPAK YANG MENEMPATKAN STRUKTUR DI BAWAH KAWALAN DBKL	1
4.0 TAKRIF MENARA TELEKOMUNIKASI	1
5.0 KRITERIA PENILAIAN PERANCANGAN PEMASANGAN STRUKTUR MENARA TELEKOMUNIKASI DI ATAS TANAH/DI BAWAH KAWALAN DBKL	2-4
6.0 TARIKH KUAT KUASA	4

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja

PEMASANGAN MENARA TELEKOMUNIKASI

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini disediakan untuk menjelaskan kriteria penilaian perancangan permohonan pemasangan menara telekomunikasi di atas tanah atau tapak di bawah kawalan DBKL.

2.0 OBJEKTIF

- i. Memastikan permohonan pemasangan struktur menara telekomunikasi seragam dan teratur.
- ii. Memastikan pemasangan struktur menara telekomunikasi mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh kerajaan/DBKL.

3.0 MAKSUD TANAH ATAU TAPAK YANG MENEMPATKAN STRUKTUR DI BAWAH KAWALAN DBKL

- i. Tanah milik DBKL bermaksud tanah yang dikeluarkan hak milik kepada DBKL atau tanah yang dirizabkan di bawah kawalan DBKL:
 - a. Rizab jalan/parit

- b. Rizab kawasan lapang/zon penamparan
- c. Tapak pusat penjaja, pasar, surau, tempat letak kereta, kompleks sukan, Perumahan Awam DBKL, kuarters, pusat komuniti, perpustakaan awam dan sebagainya

- ii. Tanah yang dirizabkan di bawah kawalan Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan/Ketua Setiausaha Negara yang mana DBKL dipertanggungjawabkan sebagai agensi pengurus tadbir.

4.0 TAKRIF MENARA TELEKOMUNIKASI

- i. Menara telekomunikasi ertinya struktur khusus yang dibina di atas tanah yang dilengkapi peralatan pemancar telekomunikasi utama.
- ii. Menara ini tidak termasuk:
 - Struktur tiang lampu yang dilengkapi pemancar telekomunikasi
 - Struktur pemancar atas bangunan atau apa-apa binaan lain

5.0 KRITERIA PENILAIAN PERANCANGAN PEMASANGAN STRUKTUR MENARA TELEKOMUNIKASI DI ATAS TANAH/DI BAWAH KAWALAN DBKL

- i. Hanya pengusaha yang memiliki lesen Network Facilities Provider (NFP) yang dikeluarkan oleh SKMM sahaja yang boleh mengemukakan permohonan selaras dengan peruntukan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 di mana Seksyen 126 berkaitan Perlesenan Kemudahan Rangkaian, Perkhidmatan Rangkaian dan Perkhidmatan Aplikasi.
- ii. Mematuhi Garis Panduan Pembinaan Menara dan Struktur Sistem Pemancar Telekomunikasi di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan, KPKT 2002 (Garis Panduan KPKT, 2002).
- iii. Mematuhi Garis Panduan Pembinaan Menara dan Struktur Sistem Pemancar Telekomunikasi.
- iv. Mematuhi keperluan kriteria penilaian perancangan pemasangan menara telekomunikasi di atas tanah di bawah kawalan DBKL yang telah diluluskan pada 17.4.2014 seperti yang berikut:

- a. Tapak yang tidak mempunyai kekangan fizikal:

- Keluasan tapak maksimum 7 meter x 7 meter
- Tiada kawalan ketinggian menara telekomunikasi ditetapkan

Nota: Termasuk tapak yang terletak di jalan-jalan utama, kawasan pertanian, tanah lapang yang bersaiz besar.

- b. Tapak yang terletak dalam kawasan taman perumahan sedia ada:

- Keluasan tapak maksimum 3 meter x 4 meter
- Ketinggian menara telekomunikasi maksimum 24 meter

Nota: Termasuk tapak kawasan lapang dan rizab jalan/ parit dalam taman perumahan.

- c. Kriteria terperinci bagi cadangan pemasangan menara telekomunikasi dalam kawasan lapang/ taman:
- Tidak dibenarkan di kawasan lapang yang terhad keluasannya (1 ekar).
 - Dibenarkan di sudut-sudut tepi atau terpencil dalam kawasan lapang yang tidak mengganggu aktiviti permainan aktif.
 - Komponen sokongan kepada struktur telekomunikasi (BTS) perlulah terlindung sama ada dengan tanaman landskap, direka bentuk di dalam menara atau diletakkan di dalam tanah.
 - Cadangan pemasangan menara hendaklah tidak mengakibatkan penebangan pokok.
 - Struktur telekomunikasi perlu diintegrasikan dengan kemudahan lain yang dapat memberi manfaat kepada penduduk sekitar seperti:
 - pemasangan lampu limbah
 - pemasangan menara jam/suhu/kalender/info digital DBKL dan sebagainya
- d. Tapak dalam rizab jalan/lorong:
- Pemasangan struktur hendaklah dilindungi daripada pandangan awam dengan hiasan landskap yang menarik di sekeliling tapak.
 - Bagi ruang tepi jalan, lokasi struktur hendaklah mempunyai anjakan tidak kurang daripada 10 kaki dari bahu jalan (*curb*) dan tidak kurang daripada 10 kaki dari sempadan lot. Pemohon juga perlu mematuhi syarat anjakan dari bangunan selaras dengan Garis Panduan KPKT, 2002.
 - Kedudukan struktur hendaklah tidak mengganggu laluan pejalan kaki.
- e. Pemasangan struktur lampu limbah:
- Tidak digalakkan mengadap rumah kediaman kerana boleh mengakibatkan gangguan silau kepada penghuni.
 - Digalakkan di sudut tertentu dalam kawasan lapang jika kecerahan lampu tersebut boleh menerangi kawasan taman yang sunyi atau terpencil.

- f. Bagi tapak cadangan dalam kawasan struktur/premis bangunan milik DBKL, maka adalah digalakkan pemasangan menara telekomunikasi di atas bumbung/pada bangunan tersebut seperti rumah pangsa, pasar, pusat komuniti, kompleks sukan, pusat penjaja, bangunan pejabat DBKL dan lain-lain tertakluk kepada Garis Panduan KPPT, 2002.
- g. Pemasangan menara telekomunikasi pada kawasan/ bangunan yang diklasifikasikan mempunyai nilai sejarah dan terlibat dalam kawalan reka bentuk bandar adalah tidak dibenarkan.
- h. Jarak antara menara telekomunikasi atas tanah dengan bangunan terdekat hendaklah mematuhi ukuran jarak struktur menara yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan KPPT, 2002.
- i. Bagi pemasangan sistem pemancar dalam kawasan surau di bawah penyelenggaraan DBKL, tidak dibenarkan dibina pada bangunan dewan solat utama. Pemasangan sistem pemancar hanya dibenarkan di kawasan terbuka atau pada bangunan sokongan yang lain.



6.0 TARIKH KUAT KUASA

Garis panduan ini mula berkuat kuasa pada **1 Januari 2015**.

SENARAI BUKU GARIS PANDUAN:

- i. Garis Panduan Perancangan Pusat Hiburan
- ii. Garis Panduan Perancangan Penubuhan Taska
- iii. Garis Panduan Perancangan Penubuhan Tadika
- iv. Garis Panduan Perancangan Pengiraan Nisbah Plot
- v. Garis Panduan Perancangan Penubuhan Hotel Bajet
- vi. Garis Panduan Perancangan Penubuhan Pusat Tuisyen
- vii. Garis Panduan Perancangan Pengiraan Kawasan *Plinth*
- viii. Garis Panduan Perancangan Keperluan Kawasan Lapang
- ix. Garis Panduan Perancangan Pembinaan Pondok Pengawal
- x. Garis Panduan Perancangan Penyediaan *Perimeter Planting*
- xi. Garis Panduan Perancangan Pengiraan Kepadatan Penduduk
- xii. Garis Panduan Perancangan Keperluan Tempat Letak Kenderaan
- xiii. Garis Panduan Perancangan Proses Pelawaan Bantahan (Kaedah 5)
- xiv. Garis Panduan Perancangan Penamaan Bangunan dan Taman Perumahan
- xv. Garis Panduan Perancangan Insentif Pembangunan di Kawasan Rizab Melayu
- xvi. Garis Panduan Perancangan Penerapan Elemen Bandar Selamat Dalam Penilaian Perancangan
- xvii. Garis Panduan Perancangan Kriteria Penilaian Perancangan Permohonan Kebenaran Perancangan
- xviii. Garis Panduan Perancangan Aspek Kawalan Perancangan Pembangunan di Kawasan Lereng Bukit
- xix. Garis Panduan Perancangan Keperluan Kemudahan Awam Dalam Pembangunan Bukan Kediaman
- xx. Garis Panduan Perancangan Loji Pembancuh Simen (*Batching Plant*) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- xxi. Garis Panduan Perancangan Keperluan Anjakan Bangunan Kediaman Bertanah (Banglo, Berkembar dan Teres)
- xxii. Garis Panduan Perancangan Penyediaan Kemudahan Penduduk Dalam Skim Pembangunan Kediaman Bertingkat
- xxiii. Garis Panduan Perancangan Peratusan Unit Kecil Bagi Pembangunan Kediaman dan Pembangunan Komersil Bercirikan Kediaman
- xxiv. Garis Panduan Perancangan Kriteria Penilaian Perancangan Pemasangan Menara Telekomunikasi di Atas Tanah di Bawah Kawalan DBKL
- xxv. Garis Panduan Perancangan Pembangunan di Kawasan Perumahan Berkepadatan Rendah (Bukit Tunku, Taman Duta, Bukit Persekutuan dan Bukit Damansara)